



**TEKS UCAPAN YB DR. XAVIER JAYAKUMAR,
MENTERI AIR, TANAH & SUMBER ASLI**

**SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU
(SEN330) MODUL 3 KUALA SAWAH, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

17 JANUARI 2019

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH BINTI PAWANTEH,
Ketua Setiausaha, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS);

YANG BERBAHAGIA PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan);

YANG BERHORMAT TUAN CHARLES SANTIAGO,
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);

YANG BERBAHAGIA DATO' MOHD RIDHUAN BIN ISMAIL,
Ketua Pegawai Eksekutif, (SPAN);

YANG BERUSAHA ENCIK FAIZAL BIN OTHMAN,
Ketua Pegawai Eksekutif, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK);

YANG BERBAHAGIA DATO' IR. MOHD SHUKRI BIN ABDUL RAZIK
Pengarah Eksekutif, Jabatan Pelaksanaan Projek Kumpulan Wang Sumbangan
Modal Pembetungan,(SPAN);

YANG BERUSAHA ENCIK ALBERT LOW KEIN KEE,
Pengarah Projek, Brilliant Logic Sdn Bhd;

Wakil-wakil daripada Majlis Perbandaran, Wakil-wakil daripada Badan-Badan
Penguatkuasaan, Ketua-Ketua Komuniti,
Warga KATS, JPP, SPAN dan IWK,
Rakan-rakan media, seterusnya hadirin yang saya hormati,
Selamat pagi, Salam Sejahtera dan Salam Penjimatan Air.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada hadirin sekalian. Ini merupakan kali pertama saya hadir ke loji rawatan kumbahan di sepanjang lebih enam bulan saya bertugas sebagai Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Harapan saya, lawatan kerja ini akan memberikan saya maklumat berkenaan operasi loji dan bagaimana loji-loji sebegini membantu dalam pemeliharaan alam sekitar dan sumber bekalan air kepada kita semua.
2. **Pada masa ini, terdapat lebih 7,000 loji rawatan kumbahan dan sejumlah 101 loji rawatan kumbahan serantau di seluruh negara. Kuala Sawah sangat beruntung kerana memiliki salah satu loji rawatan kumbahan serantau yang moden dan cekap. Sehingga Disember 2017, Negeri Sembilan memiliki sejumlah 10 loji rawatan kumbahan serantau dan 461 unit loji rawatan kumbahan. Jumlah loji tersebut mampu menguruskan air kumbahan untuk lebih 1.4 juta Penduduk Setara (PE) setiap hari di negeri ini.** Kepentingan pengurusan air kumbahan adalah amat penting. Kita hanya tahu bahawa air kumbahan dari tandas dan singki disalurkan ke saluran pembetungan namun bagaimana ia diuruskan tidaklah diketahui ramai atau merupakan suatu subjek yang tidak begitu menarik perhatian umum.
3. Tanpa pengurusan air kumbahan yang baik dan sistematik, kita akan menghadapi situasi pencemaran bau dan kemungkinan penularan wabak penyakit. Sehubungan itu, adalah sangat wajar isu pengurusan loji diberi perhatian serius termasuk dalam hal membesarkan kapasiti dan naik taraf loji yang pada akhirnya dapat memberi kemudahan dan kesejahteraan kepada para pengguna.

Hadirin sekalian,

4. Projek menaiktarafkan loji Kuala Sawah ini telah dilaksanakan untuk kali ketiga. Kali pertama dibangunkannya adalah sebuah kolam pengoksidaan yang pada waktu itu berada di bawah bidang kuasa dan seliaan Majlis Perbandaran Seremban. Pada tahun 2007, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dengan dana daripada *Japan Bank of International Cooperation* telah membina loji rawatan kumbahan jenis *oxidation ditch* dengan kapasiti 240,000 Penduduk Setara (PE).
5. Pada tahun 2016, SPAN telah menaik taraf loji di sini melalui beberapa ciri tambahan pada loji yang baharu dibina seperti perombakan sepenuhnya pada sistem peresapan udara, pengwujudan peranti pengangkat automatik, pembinaan tapak pengeringan bahan buangan serta penyediaan satu unit penjana kuasa janaan diesel bagi memastikan loji terus beroperasi walaupun berhadapan gangguan bekalan elektrik.

6. Dalam hal ini, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada SPAN melalui inisiatif Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP). Melalui dana tersebut, pelbagai pembangunan infrastruktur telah diwujudkan dan keperluan industri pembetungan telah dicapai. Salah satu daripada inisiatif yang SPAN jalankan adalah daripada apa yang kita saksikan hari ini iaitu pembinaan **Modul 3** loji rawatan kumbahan serantau ini dengan kemudahan kapasiti sebanyak 120,000 Penduduk Setara (PE) yang kemudiannya menjadikan keseluruhan loji di Kuala Sawah ini mampu menguruskan sehingga 360,000 Penduduk Setara (PE) berbanding hanya sekitar 240,000 Penduduk Setara (PE) sebelum ini. Peningkatan ini adalah sangat perlu apabila mengambil kira pembangunan perumahan dan industri di sekitar kawasan Seremban yang semakin pesat.
7. Lebih menarik perhatian saya adalah apabila **projek ini berjaya disiapkan lebih awal daripada jangkaan**. Projek yang bermula pada April 2016 ini pada awalnya dijangkakan siap pada April 2019. Pun begitu, dengan pemantau ketat oleh SPAN berserta iltizam pihak kontraktor maka ia telah berjaya disiapkan kira-kira tiga bulan lebih awal. Syabas diucapkan kepada SPAN, kontraktor dan semua yang terlibat dalam menayakan projek ini.

Hadirin sekalian,

8. Selain projek di Kuala Sawah ini, KATS melalui SPAN sedang menyelia projek pembinaan rangkai paip pembetungan di Si Rusa, Port Dickson. Projek yang telah bermula sejak 2016 tersebut dijangka siap menjelang Mei tahun ini. Projek tersebut akan dapat membantu merancakkan industri pelancongan di negeri ini apabila fasiliti perkhidmatan air dinaiktarafkan dan seterusnya meningkatkan keselesaan pengunjung.
9. SPAN juga sedang melaksanakan beberapa kajian mendalam melibatkan pembaikpulihan rangkaian paip influen dan effluen di sepanjang Sungai Linggi di Kuala Sawah serta cadangan penyambungan 81 premis persendirian ke sistem pembetungan awam di Port Dickson. SPAN juga sedang meneliti cadangan untuk kerja-kerja rasionalisasi Loji Rawatan Kumbahan PDN101 di Taman Politeknik ke Loji Rawatan Kumbahan Berpusat di Port Dickson.
10. Keperluan pengguna akan sentiasa menjadi perhatian utama kami dan KATS memandang serius akan sebarang penambahbaikan yang perlu dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan air dan pembetungan di negara ini. Saya yakin akan ada lebih banyak projek naik taraf yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan melalui inisiatif KWSMP apabila terdapat keperluan dan KATS akan memastikan bahawa setiap projek yang dijalankan adalah memenuhi spesifikasi dan dijalankan secara telus.

11. Di masa yang sama, KATS turut komited menjayakan pelan induk teknologi hijau (*Green Technology Master Plan*) iaitu **mengguna semula sebahagian dari sisa buangan bio-pepejal untuk penjanaan tenaga elektrik serta mencari kaedah ke arah mengitar semula satu pertiga dari air kumbahan yang telah dirawat (*bio-effluent*) untuk diguna semula menjelang tahun 2030.** Ianya selaras dengan sasaran oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui *Sustainable Development Goals ke-6* iaitu menyediakan kemudahan air bersih dan sanitasi serta *SDG 7* iaitu menyediakan tenaga boleh diperbaharui.

Hadirin sekalian,

12. Kita semua harus memahami keperluan operasi operator air dan pembetulan. Jika pihak operator air berhadapan kekangan dana daripada kadar tarif yang rendah namun di pihak IWK pula, kekangan mereka bukan sahaja daripada aspek tarif yang rendah malah kutipan daripada caj perkhidmatan juga sangat rendah. Sehubungan dengan itu, marilah kita membantu IWK melalui pembayaran bil pada waktu yang sepatutnya bagi membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan yang kita ingini. Era baharu air akan dapat dijayakan sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing.
13. Saya gembira dengan kemajuan projek ini dan sebelum mengakhiri ucapan saya, saya berbesar hati menyaksikan majlis penyerahan loji ini di antara pihak SPAN dan IWK diteruskan.

Sekian, terima kasih.